

# Kawasan tadahan air NS tidak dimajukan

BH 02/02

## Banjir di Gemas berpunca daripada tindakan pemaju perumahan timbus anak sungai

Oleh Hussain Said

**G**EMAS: Kawasan saliran dan tadahan air di Negeri Sembilan tidak akan dibangunkan dengan sebarang projek pembangunan bagi mengelakkan kejadian bencana alam seperti banjir yang boleh mengorbankan nyawa dan memusnahkan harta benda.

Arahan yang dikeluarkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan itu juga bertujuan bagi memastikan kawasan berkenaan tidak tercemar dan terjejas sekali gus memastikan fungsinya termasuk alam sekitar terjaga dan terpelihara.

Mohamad berkata, kajian mendapati, kejadian banjir di Gemas, hujung tahun lalu berpunca daripada pembangunan kawasan saliran anak sungai apabila pemaju bertindak menutup dan menimbusnya bagi membina kawasan perumahan hingga menyebabkan berlaku limpahan air berikutan hujan lebat.

"Banyak kawasan lain yang boleh kita bangunkan dan mengapa kita perlu memotong bukit bakau, menimbus sungai dan laut serta membalak hutan bagi melaksanakan sebarang projek pembangunan.

"Semua ini boleh mengundang masalah hingga menyebabkan kehidupan kita dan makhluk lain terjejas. Jika kita menimbus sungai dan saliran air, ke mana

air ini hendak pergi yang akhirnya ia akan melimpah dan menyebabkan banjir," kata Mohamad.

Menteri Besar berkata demikian selepas menyampaikan bantuan kepada 415 mangsa banjir iaitu 376 keluarga dari daerah Tampin, Jempol (27 keluarga) dan Rembau (12 keluarga) yang dilanda musibah itu hujung tahun lalu di Dewan Besar Gemas, di sini.

Setiap mangsa menerima bantuan RM500 seorang dan bagi mangsa yang mempunyai anak yang bersekolah menengah menerima tambahan RM200 setiap seorang anak dan tambahan RM100 bagi setiap anak bersekolah rendah serta barangan keperluan lain.

Hadir sama Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi yang juga Ahli Parlimen Tampin, Datuk Shaziman Mansor; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Ir Jamlus Abdul Aziz yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gemas dan Pengerusi Persatuan Isteri-Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri (Pekerti), Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumuddin.

Mohamad berkata, buat permulaan kerajaan negeri sudah mewartakan semua hutan di negeri itu sebagai hutan simpan bagi mengelakkan sebarang pencerobohan dan aktiviti pembalakan dijalankan.

Katanya, beliau juga sudah



**IKHLAS:** Mohamad (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir di Gemas, kelmarin.

mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) melakukan pemantauan dan menjalankan penyelenggaraan terhadap sungai dan anak sungai di seluruh negeri bagi memastikan laluan air lancar dan tidak tersekat akibat keladak dan sampah sarap.

"Kita juga mahukan sungai yang

sudah cetek digali bagi memastikan kedalamannya mencukupi bagi menampung air setiap kali hujan lebat. Masalah banjir ketika ini tidak mengikut trend sebagaimana sebelum ini apabila banjir berlaku di hujung tahun dan berlaku di negeri pantai timur saja tetapi kini bila-bila boleh berlaku dan tanpa mengira tempat berikutan perubahan

cuaca dan suhu dunia.

"Jadi, kita mesti sentiasa bersedia, apatah lagi, kita tidak mempunyai pengalaman menghadapi sebagaimana Kelantan, Terengganu dan Pahang yang sudah mempunyai pasukan dan jentera berpengalaman kerana sudah biasa menghadapi bencana alam itu," katanya.

FAKTA NOMBOR

Bantuan mangsa banjir Gemas

**415**

Mangsa banjir

**RM500**

Jumlah bantuan diterima setiap mangsa banjir